

KANDUNGAN

Rekod Pentaksiran Murid
Pendidikan Moral Tingkatan 2

v – ix

Nilai Universal Kurikulum Standard
Pendidikan Moral Sekolah Menengah

x

►► BIDANG 1 PENGENALAN MORAL

UNIT 1	Sumber Moral Asas Pembentukan Akhlak Mulia	1
Nota Pintas	Info	1
PBD Formatif	Info Cetus idea Nota Praktis Sivik	2
Aplikasi KBAT	Kuiz	8

►► BIDANG 2 DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN

UNIT 2	Agama atau Kepercayaan Membentuk Keperibadian Mulia	9
Nota Pintas	9	
PBD Formatif	Info Cetus idea Nota Praktis	10
Aplikasi KBAT	Kuiz	15

UNIT 3	Tanggungjawab Diri Terlaksana Hidup Makin Bahagia	16
Nota Pintas	16	
PBD Formatif	Info Cetus idea Nota Praktis Sivik	17
Aplikasi KBAT	Kuiz	22

UNIT 4	Tanggungjawab Diri Membentuk Keluarga Bahagia	23
Nota Pintas	23	
PBD Formatif	Info Nota Praktis	24
Aplikasi KBAT	Kuiz	30

**UNIT
5**

**Adab Dijaga,
Persahabatan Terbela**

31

Nota Pintas	31	
PBD Formatif	Info Nota Praktis Sivik	32
Aplikasi KBAT	Kuiz	38

►► BIDANG 3 HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT

UNIT 6	Jiran Sepakat Membawa Berkat	39
Nota Pintas	39	
PBD Formatif	Info Cetus idea Nota Praktis Sivik	40
Aplikasi KBAT	Kuiz	45

UNIT 7	Masyarakat Penyayang Tonggak Aspirasi Negara	46
Nota Pintas	46	
PBD Formatif	Info Cetus idea Nota Praktis Sivik	47
Aplikasi KBAT	Kuiz	53

UNIT 8	Perkhidmatan Awam Pemangkin Pembangunan Negara	54
Nota Pintas	54	
PBD Formatif	Info Cetus idea Nota Praktis	55
Aplikasi KBAT	Video Kuiz	60

**UNIT
9**

Hargai Alam Warisan Kita

61

Nota Pintas	61	
PBD Formatif	Info Cetus idea Nota Praktis Sivik	62
Aplikasi KBAT	Kuiz	68

UNIT 10	Gaya Hidup Sihat dan Selamat Menjamin Keharmonian Bersama	69
Nota Pintas		69
PBD Formatif	Info Cetus idea eP+ Nota eP+ Praktis	70
Aplikasi KBAT	Kuiz	76

►► BIDANG 4 MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG



UNIT 11	Adab di Tempat Awam Dijaga, Nikmat Hidup Dirasai Bersama	77
Nota Pintas		77
PBD Formatif	Info eP+ Nota eP+ Praktis	78
Aplikasi KBAT	Info Kuiz	84

UNIT 12	Etika dan Undang-undang Siber Membantu Pembentukan Jati Diri	85
Nota Pintas		85
PBD Formatif	Info Cetus idea eP+ Nota eP+ Praktis eP+ Sivik	86
Aplikasi KBAT	Kuiz	91

UNIT 13	Keselamatan di Jalan Raya Tanggungjawab Bersama	92
Nota Pintas		92
PBD Formatif	Info Cetus idea eP+ Nota eP+ Praktis	93
Aplikasi KBAT	Kuiz	98

UNIT 14	Menangani Konflik Identiti Diri Asas Pembentukan Personaliti	99
Nota Pintas		99
PBD Formatif	Info Cetus idea eP+ Nota eP+ Praktis	100
Aplikasi KBAT	Kuiz	105

UNIT 15	Hak Asasi Manusia Dilindungi Bersama	106
Nota Pintas		106
PBD Formatif	Info Cetus idea eP+ Nota eP+ Praktis	107
Aplikasi KBAT	Kuiz	112
Pentaksiran Akhir Tahun		113



Rekod Pentaksiran Murid

Pendidikan Moral

Tingkatan 2

Nama:

Tingkatan:

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI

BIDANG 1 : PENGENALAN MORAL

1 SUMBER MORAL ASAS PEMBENTUKAN AKHLAK MULIA	TP1	Menyatakan sumber moral.	2		
	TP2	Menerangkan sumber agama atau kepercayaan yang menjadi asas kepada prinsip moral.	3		
	TP3	Menilai norma masyarakat Malaysia yang menjadi sumber moral.	4		
	TP4	Menghubung kait sumber moral dan kepentingannya.	5		
	TP5	Menghayati dan memperkenalkan perasaan apabila membuat tindakan berdasarkan sumber moral dalam kehidupan sehari-hari.	6		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan sikap berdasarkan sumber moral dalam hidup bermasyarakat secara tekal atau boleh dicontohi.	7		
	Tahap Penguasaan Unit 1	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4

BIDANG 2 : DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN

2 AGAMA ATAU KEPERCAYAAN MEMBENTUK KEPERIBADIAN MULIA	TP1	Menyatakan maksud keperibadian diri.	10		
	TP2	Menerangkan ciri individu yang mempunyai pegangan agama atau kepercayaan.	10		
	TP3	Menilai kesan jika tiada pegangan agama atau kepercayaan dalam membentuk keperibadian diri.	11		
	TP4	Menghubung kait pegangan agama atau kepercayaan dalam membentuk keperibadian diri dan kepentingannya.	12		
	TP5	Menghayati dan memperkenalkan perasaan apabila melaksanakan ajaran agama atau kepercayaan dalam kehidupan sehari-hari.	13		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan perlakuan berdasarkan ajaran agama atau kepercayaan secara tekal atau boleh dicontohi.	14		
	Tahap Penguasaan Unit 2	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4

3 TANGGUNGJAWAB DIRI TERLAKSANA HIDUP MAKIN BAHAGIA	TP1	Menyatakan tanggungjawab diri.	17		
	TP2	Menerangkan cara melaksanakan tanggungjawab diri.	18		
	TP3	Menilai kesan menjalankan tanggungjawab diri.	19		
	TP4	Menghubung kait pelaksanaan tanggungjawab diri dan kesannya.	20		
	TP5	Menghayati dan memperkenalkan perasaan apabila melaksanakan tanggungjawab diri dalam kehidupan sehari-hari.	21		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan perlakuan tanggungjawab diri secara tekal atau boleh dicontohi.	21		
	Tahap Penguasaan Unit 3	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
4 TANGGUNGJAWAB DIRI MEMBENTUK KELUARGA BAHAGIA	TP1	Menyatakan tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga.	24		
	TP2	Menerangkan cara melaksanakan tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga.	25		
	TP3	Menilai kepentingan menjalankan tanggungjawab diri dalam keluarga.	26		
	TP4	Menghubung kait tanggungjawab diri terhadap keluarga dan kesannya.	27		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila melaksanakan tanggungjawab diri terhadap keluarga dalam kehidupan sehari-hari.	28		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan perlakuan tanggungjawab diri terhadap keluarga secara tekal atau boleh dicontohi.	29		

Tahap Penguasaan Unit 4

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

5 ADAB DIJAGA, PERSAHABATAN TERBELA	TP1	Menyatakan perlakuan beradab dalam persahabatan.	32		
	TP2	Menerangkan kepentingan adab dalam persahabatan.	33		
	TP3	Menilai perlakuan beradab dan tidak beradab dalam persahabatan.	34		
	TP4	Menghubung kait adab persahabatan dan batasannya.	35		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila menjalin persahabatan yang beradab dalam kehidupan sehari-hari.	36		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan hidup beradab dalam menjalin persahabatan pelbagai kaum secara tekal atau boleh dicontohi.	37		

Tahap Penguasaan Unit 5

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

BIDANG 3 : HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT					
6 JIRAN SEPAKAT MEMBAWA BERKAT	TP1	Menyatakan konsep kejiranan.	40		
	TP2	Menerangkan manfaat hidup berjiran.	41		
	TP3	Menilai sikap jiran yang positif dan negatif.	42		
	TP4	Menghubung kait cara untuk merapatkan hubungan hidup berjiran dengan keharmonian setempat.	43		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila hidup berjiran dalam kehidupan sehari-hari.	44		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan hidup berjiran dalam masyarakat pelbagai agama, bangsa, budaya dan bahasa secara tekal atau boleh dicontohi.	44		

Tahap Penguasaan Unit 6

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
7 MASYARAKAT PENYAYANG TONGGAK ASPIRASI NEGARA	TP1	Menyatakan ciri masyarakat penyayang.	47		
	TP2	Menerangkan kepentingan memperkuuh masyarakat penyayang.	48		
	TP3	Menilai cara menyantuni masyarakat yang berkeperluan.	49		
	TP4	Menghubung kait keutamaan dalam membantu masyarakat yang berkeperluan untuk merealisasikan masyarakat penyayang.	50		
	TP5	Menghayati dan memamerkan perasaan apabila membantu mewujudkan masyarakat penyayang dalam kehidupan sehari-hari.	51		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan amalan masyarakat penyayang secara tekal atau boleh dicontohi.	52		

Tahap Penguasaan Unit 7

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

8 PERKHIDMATAN AWAM PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA	TP1	Menyatakan agensi perkhidmatan awam yang terdapat di Malaysia.	55		
	TP2	Menjelaskan kepentingan agensi perkhidmatan awam kepada masyarakat.	56		
	TP3	Menilai cara menghargai agensi perkhidmatan awam.	57		
	TP4	Menghubung kait peranan agensi perkhidmatan awam yang efektif dengan kesejahteraan hidup.	58		
	TP5	Menghayati dan memamerkan perasaan terhadap agensi perkhidmatan awam dalam kehidupan sehari-hari.	59		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan tingkah laku berhemah terhadap agensi perkhidmatan awam secara tekal atau boleh dicontohi.	59		

Tahap Penguasaan Unit 8

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

9 HARGAI ALAM WARISAN KITA	TP1	Menyatakan peranan masyarakat dalam melindungi alam sekitar.	62		
	TP2	Menerangkan langkah-langkah badan kerajaan dalam melindungi alam sekitar.	63		
	TP3	Menilai sumbangan badan bukan kerajaan untuk melindungi alam sekitar.	64		
	TP4	Menghubung kait kesan aktiviti manusia dengan keseimbangan alam sekitar.	65		
	TP5	Menghayati dan memamerkan perasaan apabila melibatkan diri dalam aktiviti melindungi alam sekitar dalam kehidupan sehari-hari.	66, 67		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan tingkah laku ke arah melindungi alam sekitar secara tekal atau boleh dicontohi.	66, 67		

Tahap Penguasaan Unit 9

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
10 GAYA HIDUP SIHAT DAN SELAMAT MENJAMIN KEHARMONIAN BERSAMA	TP1	Menyatakan gaya hidup sihat dan selamat.	70		
	TP2	Menerangkan aktiviti gaya hidup sihat dan selamat.	71		
	TP3	Menilai kesan amalan gaya hidup sihat dan selamat.	72		
	TP4	Menghubung kait amalan gaya hidup sihat dan selamat dengan kesejahteraan hidup.	73		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat dalam kehidupan seharian.	74		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan gaya hidup sihat dan selamat secara tekal atau boleh dicontohi.	75		

Tahap Penguasaan Unit 10

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

BIDANG 4 : MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG					
11 ADAB DI TEMPAT AWAM DIJAGA, NIKMAT HIDUP DIRASAI BERSAMA	TP1	Menyatakan tempat-tempat awam.	78		
	TP2	Menerangkan cara beradab di tempat awam.	79		
	TP3	Menilai kepentingan beradab di tempat awam.	80		
	TP4	Menghubung kait amalan beradab dan tidak beradab di tempat awam dengan keharmonian masyarakat.	81		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila beradab di tempat awam dalam kehidupan seharian.	82		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan adab di tempat awam secara tekal atau boleh dicontohi.	82, 83		

Tahap Penguasaan Unit 11

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

BIDANG 5 : ETIKA DAN UNDANG-UNDANG SIBER MEMBANTU PEMBENTUKAN JATI DIRI					
12 ETIKA DAN UNDANG-UNDANG SIBER MEMBANTU PEMBENTUKAN JATI DIRI	TP1	Menyatakan etika berkomunikasi dalam siber.	86		
	TP2	Menerangkan etika dan undang-undang siber.	87		
	TP3	Menilai kepentingan mematuhi etika dan undang-undang siber.	88		
	TP4	Menghubung kait penggunaan Internet secara tidak beretika dan menyalahi undang-undang siber dengan kesannya.	89		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila mematuhi etika dan undang-undang siber dalam kehidupan seharian.	90		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan tingkah laku berhemah semasa berkomunikasi dalam siber secara tekal atau boleh dicontohi.	90		

Tahap Penguasaan Unit 12

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
13 KESELAMATAN DI JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB BERSAMA	TP1	Menyatakan peraturan jalan raya dan undang-undang jalan raya.	93		
	TP2	Menerangkan perbezaan di antara peraturan jalan raya dan undang-undang jalan raya.	93		
	TP3	Menilai kepentingan mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.	94		
	TP4	Menghubung kait kesedaran mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya dengan keselamatan jalan raya.	95		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya dalam kehidupan sehari-hari.	96		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan sikap mengutamakan keselamatan jalan raya secara tekal atau boleh dicontohi.	97		

Tahap Penguasaan Unit 13

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

14 MENANGANI KONFLIK IDENTITI DIRI ASAS PEMBENTUKAN PERSONALITI	TP1	Menyatakan maksud konflik identiti diri sebagai remaja.	100		
	TP2	Menerangkan faktor yang mempengaruhi konflik identiti diri sebagai remaja.	100		
	TP3	Menilai cara mengatasi konflik identiti diri sebagai remaja.	101		
	TP4	Menghubung kait menangani konflik identiti diri dan kepentingannya.	102		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila berjaya menangani konflik identiti diri dalam kehidupan sehari-hari.	103		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan sikap menangani konflik identiti diri mengikut cara yang betul secara tekal atau boleh dicontohi.	103, 104		

Tahap Penguasaan Unit 14

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

15 HAK ASASI MANUSIA DILINDUNGI BERSAMA	TP1	Menyatakan hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.	107		
	TP2	Menerangkan kepentingan melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.	108		
	TP3	Menilai langkah yang diambil oleh badan kerajaan untuk melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.	109		
	TP4	Menghubung kait sumbangan yang boleh diberikan oleh badan bukan kerajaan dalam melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja	110		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja dilindungi dalam kehidupan sehari-hari.	111		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan sikap melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja secara tekal atau boleh dicontohi.	111		

Tahap Penguasaan Unit 15

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

Nilai Universal Kurikulum Standard Pendidikan Moral Sekolah Menengah

NILAI	MAKSUD NILAI
Kepercayaan kepada Tuhan	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
Bertanggungjawab	Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
Berdikari	Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.
Harga diri	Berupaya menjaga maruah diri.
Kerajinan	Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
Berterima kasih	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
Patriotisme	Bangga dan taat setia kepada raja dan negara.
Kebebasan	Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang.
Keberanian	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.
Kejujuran	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
Rasional	Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar.
Baik hati	Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri dan orang lain dengan memberi bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
Hemah tinggi	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia.
Hormat	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial.
Kasih sayang	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.
Kerjasama	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
Kesederhanaan	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
Toleransi	Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain.

Sumber Moral Asas Pembentukan Akhlak Mulia

KUASAI Nota Pintas


Nilai

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Hormat
- Toleransi
- Rasional
- Kesederhanaan

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada raja dan negara
- Keluhuran perlembagaan
- Kedaulatan undang-undang
- Kesopanan dan kesusilaan

» Sumber Moral

1. Sumber moral ialah bahan rujukan yang menjadi panduan dalam pembentukan keperibadian diri dan tingkah laku seseorang individu.
2. Sumber moral seperti agama, kepercayaan, norma masyarakat dan prinsip Rukun Negara menerangkan asas nilai-nilai murni yang perlu diperlakukan dalam kehidupan manusia.



3. Contoh sumber agama:

- (a) Agama Islam: Al-Quran
- (b) Agama Buddha: Tripitaka
- (c) Agama Hindu: Bhagavad Gita
- (d) Agama Kristian: Bible
- (e) Agama Sikh: Sri Guru Granth Sahib

4. Contoh sumber kepercayaan:

- (a) Kepercayaan Taoisme: Tao Te Ching
- (b) Kepercayaan Confucius: Lun Yu
- (c) Kepercayaan orang asli di Semenanjung Malaysia
- (d) Kepercayaan masyarakat pribumi Sabah dan Sarawak



Kepercayaan dan Pantang Larang dalam Masyarakat Orang Asli

5. Rukun Negara merupakan sumber rujukan dan panduan moral bagi seluruh masyarakat di negara ini.

6. Norma masyarakat ialah **peraturan** dan amalan-amalan yang ada dalam sesbuah masyarakat dan diterima oleh masyarakat. Contohnya, membuka kasut sebelum masuk ke dalam rumah.
7. Norma ialah **peraturan sosial** yang menentukan tingkah laku yang boleh diterima dan tidak boleh diterima dalam sesuatu situasi.
8. Norma memberitahu kita apakah yang boleh, mesti, tidak boleh atau tidak semestinya dilakukan.
9. Kesan negatif akibat pelanggaran norma dan peraturan masyarakat:
 - (a) Dianggap tidak beradab.
 - (b) Dipulaukan oleh masyarakat.
 - (c) Menjatuhkan imej dan nama baik keluarga.
 - (d) Menjatuhkan nama baik diri sendiri kerana melakukan perbuatan sumbang.

» Kepentingan Sumber Moral

1. Kepentingan sumber moral:
 - (a) Menjaga adat dan kepercayaan sesuatu kaum.
 - (b) Menjaga keharmonian hidup bermasyarakat.
 - (c) Mengelakkan pergaduhan dan perselisihan faham.
 - (d) Mengelakkan penyelewengan.
 - (e) Mewujudkan suasana yang harmoni dalam kehidupan.
 - (f) Maruah keluarga terpelihara.
 - (g) Membentuk masyarakat yang beradab, beretika, berdisiplin dan bertanggungjawab.
 - (h) Memberikan panduan kepada pengamalnya.
2. Hubungan-hubungan yang perlu dijaga oleh setiap ahli keluarga, anak dan masyarakat:
 - (a) Hubungan antara pemerintah dengan rakyat.
 - (b) Hubungan antara suami dengan isteri.
 - (c) Hubungan antara bapa dengan anak.
 - (d) Hubungan antara saudara yang lebih tua dengan saudara muda.
 - (e) Hubungan antara sahabat.


SP 1.1.1 Menamakan sumber moral

1. Lengkapkan peta pemikiran di bawah dengan sumber moral dan contohnya. **TP 1**

i-THINK Peta Dakap



Confucius





SP 1.1.2 Menguraikan sumber agama atau kepercayaan yang menjadi asas kepada prinsip moral

2. Padankan contoh nilai, pemikiran dan perlakuan yang berikut dengan sumber moral berdasarkan agama atau kepercayaan yang betul. **TP 2**

Apabila kamu mengadakan jamuan, jemputlah mereka yang miskin, kelaparan, tidak larat, tidak boleh berjalan dan buta, kamu akan dirahmati. Walaupun mereka tidak dapat balas balik kebaikan kamu, kamu akan dibayar ketika hari pembalasan.

Agama Buddha

"Saya baik kepada mereka yang baik kepada Saya; Saya baik kepada mereka walaupun mereka benci kepada Saya. Apa yang Saya beri, Saya akan terima. Sehingga semua menjadi baik."

Agama Kristian

Pemikiran manusia sukar untuk diawasi dan akan sentiasa mengembara sesuka hati. Oleh itu, seorang yang bijaksana akan sentiasa sedar akan pemikirannya sama ada pemikirannya baik atau tidak. Pemikiran yang baik akan selalu membawa kebahagiaan.

Agama Sikh

Seorang Sikh yang berjuang untuk mendekatkan diri dengan pencipta, akan mengamalkan nilai-nilai murni, mencari nafkah secara jujur dan berkhidmat demi kemanusiaan supaya dapat meninggalkan bumi ini sebagai tempat yang lebih baik daripada apa yang diwarisinya dahulu.

Kepercayaan Taoisme

"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya."

Agama Hindu

Setiap peranan yang dipikul mempunyai tanggungjawabnya. Laksanakan tanggungjawab anda sebaiknya tanpa mengharapkan balasan. Anda mempunyai hak untuk melaksanakan tugas yang ditetapkan, tetapi anda tidak berhak mendapat hasil tugas tersebut.

Agama Islam


SP 1.1.3 Menjelaskan melalui contoh norma masyarakat Malaysia yang menjadi sumber moral

3. Senaraikan norma masyarakat Malaysia yang menjadi sumber moral berdasarkan gambar yang diberi.

TP 3

Nilai Teras Sivik

Hormat-menghormati

Situasi	Norma masyarakat
(a) 	Menghormati orang yang lebih tua
(b) 	Beratur ketika menggunakan pengangkutan awam
(c) 	Menanggalkan kasut sebelum masuk ke dalam rumah
(d) 	Bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran tempat tinggal
(e) 	Duduk ketika makan



Nota

Norma Masyarakat Malaysia




Pendidikan Sivik

SP 1.1.4 Merumuskan kepentingan sumber moral bagi membentuk insan bermoral

4. Jelaskan kepentingan sumber moral. TP 4

i-THINK Peta Builn

Nota
Kepentingan Sumber Moral

AKTIVITI PAK-21

Round Table

Tajuk: Kepentingan sumber moral.**Langkah-langkah:**

1. Guru mengarahkan murid duduk dalam kumpulan kecil yang terdiri daripada empat orang dalam satu kumpulan.
2. Murid akan diberikan soalan berikut untuk menjalankan aktiviti.
 - (a) Kepentingan sumber moral bagi membentuk insan bermoral.
 - (b) Kesan negatif jika rakyat tidak ada persefahaman dan kerjasama.
 - (c) Langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan dalam membentuk perpaduan kaum.
3. Murid dikehendaki mencari idea, langkah dan kesan secara bergilir-gilir.
4. Hasil dapatan tersebut akan dibentangkan di hadapan murid lain mengikut pilihan secara rawak oleh guru.

SP 1.1.4

SP 1.1.5 Mengekspresso perasaan apabila membuat tindakan berdasarkan sumber moral

5. Berdasarkan gambar di bawah, nyatakan perasaan anda apabila membuat tindakan berdasarkan sumber moral. Jelaskan alasan anda. **TP 5 KBAT Mengaplikasi/Menilai**



Perasaan: **Kagum**

Alasan:

Masyarakat pelbagai kaum saling membantu antara satu sama lain membersihkan kawasan kejiranian



Perasaan: **Bangga**

Alasan:

Sambutan hari kemerdekaan memupuk semangat patriotisme



Perasaan: **Terharu**

Alasan:

Membantu golongan OKU menjalani kehidupan



Perasaan: **Bangga**

Alasan:

Rakyat bebas mengamalkan kepercayaan agama masing-masing



Perasaan: **Gembira**

Alasan:

Dapat menghiburkan hati rakan yang sakit dan memberi keyakinan untuk cepat sembuh

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]

SP 1.1.5



SP 1.1.6 Melaksanakan sikap berdasarkan sumber moral dalam hidup bermasyarakat

6. Terangkan sikap berdasarkan sumber moral yang anda amalkan dalam kehidupan bermasyarakat. **TP 6**


(a) Mengadakan hubungan yang rapat dengan rakan-rakan tanpa mengira agama dan bangsa untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu



(b) Menyertai aktiviti kemasyarakatan di kawasan kejiranan untuk mengeratkan hubungan antara jiran



(c) Menghormati upacara keagamaan yang diamalkan oleh jiran untuk mengekalkan keharmonian




(d) Berpegang teguh kepada ajaran dan kepercayaan agama serta tidak melibatkan diri dalam masalah sosial



(e) Mengamalkan sikap bertolak ansur dalam kehidupan untuk mengekalkan perpaduan



(f) Saling hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira agama, budaya dan bangsa



(g) Tidak menuturkan kata-kata yang dapat menyakiti perasaan orang lain



(h) Terima mana-mana jawapan yang munasabah

APLIKASI KBAT

IDEA >>>

Perintah

Larangan

Menghormati orang tua

Memakai pakaian bersopan

1. Manusia sangat memerlukan moral kerana moral begitu penting dalam kehidupan. Tanpa moral, kehidupan individu, masyarakat dan negara akan menjadi kacau-bilau.

- (a) Mengapa agama menjadi sumber moral? **KBAT Menilai**

Agama menjadi sumber moral bukan hanya kerana agama mengajar kepercayaan kepada Tuhan dan kehidupan akhirat, tetapi juga adanya perintah dan adanya larangan dalam agama yang menjadi pedoman hidup.

- (b) Norma masyarakat Malaysia yang menjadi sumber moral dapat menjamin keharmonian dan perpaduan kaum di Malaysia. Jelaskan. **KBAT Menilai**

- (i) Menghormati orang yang lebih tua tanpa mengira bangsa dan agama menjamin keharmonian komuniti.
- (ii) Memakai pakaian yang sopan ketika menghadiri sesuatu majlis dan menjadi budaya Malaysia tidak berbual-bual dengan kuat ketika berada dalam majlis.
- (iii) Berkunjung ke rumah jiran semasa sambutan perayaan pemangkin keharmonian komuniti di Malaysia.
- (iv) Menghormati norma masyarakat setempat menjamin keharmonian dan perpaduan rakyat Malaysia.

IDEA >>>

Berdiri tegak

Menyanyi bersama

2. Anda sedang berjalan di tapak perhimpunan dan mendengar murid-murid lain menyanyikan lagu Negaraku. Apakah yang akan anda lakukan? **KBAT Mengaplikasi**

Bерhenti berjalan dan tunjukkan rasa hormat dengan berdiri tegak.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]



Tanggungjawab Diri Membentuk Keluarga Bahagia

KUASAI Nota Pintas

Nilai

- Bertanggungjawab
- Kasih Sayang
- Hormat
- Kerjasama
- Toleransi

» Tanggungjawab Diri sebagai Anggota Keluarga

1. Memastikan keselamatan anggota keluarga terjamin.
2. Menyayangi setiap anggota keluarga.
3. Menjaga kebijakan anggota keluarga.
4. Menghormati anggota keluarga yang lebih tua.
5. Menjaga nama baik keluarga.
6. Menghindari aktiviti negatif.



2. Menghormati anggota keluarga
 - (a) Mendengar nasihat anggota keluarga.
 - (b) Saling bertegur sapa.
 - (c) Menuturkan kata-kata sopan dan tidak menyinggung perasaan orang lain.
3. Menjaga nama baik keluarga
 - (a) Berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam pelajaran.

» Kesan Mengabaikan Tanggungjawab dalam Keluarga

1. Tercetus perselisihan faham antara anggota keluarga.
2. Masyarakat memandang rendah kepada anggota keluarga.
3. Nama baik keluarga terjejas.
4. Kebahagiaan keluarga terjejas.

- (b) Tidak terlibat dengan masalah sosial.
- (c) Mematuhi peraturan sekolah.

4. Memastikan keselamatan anggota keluarga
 - (a) Menutup suis peralatan elektrik jika tidak menggunakan.
 - (b) Sentiasa mengunci pintu rumah.
 - (c) Menjaga keselamatan adik-beradik ketika orang dewasa tiada di rumah.
5. Menyayangi anggota keluarga termasuk yang kurang upaya
 - (a) Membantu anggota keluarga termasuk yang kurang upaya.
 - (b) Mengurus keperluan harian anggota keluarga termasuk yang kurang upaya.
 - (c) Menjaga anggota keluarga termasuk yang kurang upaya ketika ibu bapa tiada di rumah.

» Cara Melaksanakan Tanggungjawab Diri sebagai Anggota Keluarga

1. Menjaga kebijakan anggota keluarga
 - (a) Membantu ibu bapa di rumah.



- (b) Membantu adik-beradik dalam pelajaran.
- (c) Melibatkan diri dalam aktiviti keluarga.

» Kepentingan Melaksanakan Tanggungjawab Diri dan Keluarga

Maruah keluarga terpelihara.

Anggota keluarga saling mempercayai.

Keluarga bahagia dapat diwujudkan.

Keluarga dihormati oleh masyarakat sekeliling.

SP 2.3.1 Menyenaraikan tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga


1. Senaraikan **enam** tanggungjawab sebagai anggota keluarga. TP 1

- Memastikan keselamatan anggota keluarga terjamin.
- Menyayangi setiap anggota keluarga.
- Menjaga kebijakan anggota keluarga.
- Menghormati anggota keluarga yang lebih tua.
- Menjaga nama baik keluarga.
- Menghindari aktiviti negatif.



Nota
Tanggungjawab sebagai Anggota Keluarga

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. TP 1



- Tanggungjawab anak yang utama ialah memberikan kasih sayang kepada ibu bapa. Selain itu, anak-anak perlu taat dan menghormati ibu bapa. Anak-anak juga perlu mendengar nasihat yang baik.
- Kasih sayang kepada ibu bapa boleh ditunjukkan melalui ucapan, perlakuan dan pemberian hadiah. Anak-anak juga boleh membawa ibu bapa makan malam atau pergi membeli-belah bagi mengeratkan lagi kasih sayang dalam keluarga.
- Setelah bekerja, anak-anak wajib memperuntukkan sejumlah wang kepada ibu bapa bagi memenuhi keperluan hidup.
- Kita juga perlu menjaga ibu bapa setelah mereka tua dan sakit. Inilah masanya kita membala jasa mereka yang sekian lama memberikan kasih sayang kepada kita.
- Kita juga perlu menjaga hati mereka dengan menggunakan kata-kata yang sopan. Kita tidak boleh menggunakan kata-kata yang kesat sehingga mereka berasa kecil hati.
- Anak-anak juga bertanggungjawab mendapatkan rawatan jika ibu bapa sakit.



SP 2.3.2 Menjelaskan cara melaksanakan tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga


3. Terangkan **tiga** cara melaksanakan tanggungjawab diri sebagai anggota keluarga. TP 2

Info

Tanggungjawab terhadap Keluarga

Nilai Teras Sivik

Hormat-menghormati



[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]

Praktis Ekstra
Unit 4

SP 2.3.3 Merumus kepentingan melaksanakan tanggungjawab diri dalam keluarga

4. Berdasarkan situasi berikut, nilaiakan kepentingan menjalankan tanggungjawab diri dalam keluarga. **TP 3**

Situasi 1

Zaki selalu bersikap tolak ansur terhadap adik-beradiknya.

Kepentingan:

Keluarga bahagia dapat diwujudkan.

Situasi 2

Kakak Mei Ling menghindarkan diri daripada terlibat dalam aktiviti negatif.

Kepentingan:

Maruah keluarga terpelihara.

Situasi 3

Kishan menjaga keselamatan adik-beradiknya apabila ibu dan ayahnya tiada di rumah.

Kepentingan:

Anggota keluarga saling mempercayai.

Situasi 4

Encik Lim Chong Mun menjaga saudaranya yang merupakan orang kurang upaya dengan baik selepas kematian ibu bapa saudaranya.

Kepentingan:

Keluarga dihormati oleh masyarakat sekeliling.

Situasi 5

Ester Olivia memperoleh 10A dalam peperiksaan sekali gus menjadi pelajar terbaik peringkat negeri.

Kepentingan:

Keluarga dihormati oleh masyarakat sekeliling.

SP 2.3.4 Menghuraikan kesan mengabaikan tanggungjawab diri terhadap keluarga

5. Huraikan kesan pengabaian tanggungjawab diri terhadap keluarga berdasarkan situasi yang diberi. TP 4

KBAT Menganalisis



Nota

Kesan Mengabaikan Tanggungjawab dalam Keluarga



KBAT

Situasi

(a)

Kim Lin tidak mendengar nasihat ibunya tentang prestasi pelajarannya yang semakin merosot.



Kesan

Kim Lin tertekan kerana tidak dapat menjawab peperiksaan dengan baik.

(b)

Azlan tidak membantu ibunya melakukan kerja rumah seperti membasuh pinggan dan menyapu lantai.



Menimbulkan ketidakpuasan dan kemarahan dalam kalangan anggota keluarga.

(c)

Ramesh tidak mahu mengikut ayahnya ke kuil bagi upacara sembahyang neneknya yang telah meninggal dunia.



Hubungan kekeluargaan menjadi renggang.

(d)

Anina tidak mahu memakai baju kurung. Baginya, baju kurung adalah tradisi kekeluargaan yang kolot dan ketinggalan zaman.



Masyarakat memandang rendah kepada anggota keluarga.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]

AKTIVITI PAK-21

Forum

Tajuk: Tanggungjawab diri terhadap keluarga.**Langkah-langkah:**

1. Guru memaklumkan lebih awal tentang bahan-bahan yang perlu dibawa dari rumah kepada murid.
2. Murid membentuk kumpulan yang terdiri daripada lima orang satu kumpulan.
3. Guru memberikan cadangan tajuk berikut:
 - (a) Penjagaan atau pengabaian anggota keluarga seperti warga tua dan orang kurang upaya.
 - (b) Kerenggangan hubungan keluarga akibat pengaruh dan penyalahgunaan teknologi moden.
4. Murid akan berkongsi bahan dan perlu menulis karangan yang padat dan ringkas.
5. Guru memberikan masa selama 10 minit untuk menulis isi-isi penting.
6. Ketua kumpulan akan menyampaikan forum berdasarkan hasil karangan daripada bahan yang dikumpul di hadapan kawan-kawan.

SP 2.3.4

AKTIVITI PAK-21

SP 2.3.5 Mengekspresikan perasaan apabila dapat melaksanakan tanggungjawab diri dalam keluarga

6. Berdasarkan gambar berikut, nyatakan perasaan dan sebab anda melakukan tanggungjawab seperti dalam situasi yang diberi. **TP 5**

(a)



Perasaan:

Gembira

Sebab:

Dapat mengurangkan beban ibu.

(b)



Perasaan:

Gembira

Sebab:

Melayan ibu yang sudah tua sebagai pembalas jasa mereka menjaga kita sejak kecil.

(c)



Perasaan:

Gembira

Sebab:

Dapat makan bersama-sama dan berbincang masalah yang dihadapi serta mengeratkan hubungan kekeluargaan.

(d)



Perasaan:

Gembira/bangga

Sebab:

Dapat membantu adik meningkatkan prestasi pelajarannya dan mencapai keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]



SP 2.3.6 Merealisasikan tanggungjawab diri terhadap keluarga

7. Berdasarkan situasi yang diberi, jelaskan tindakan yang akan anda lakukan. **TP 6 KBAT Mengaplikasi**

Situasi: Ibu anda yang demam dan sakit telah dimasukkan ke hospital kerana keadaan fizikalnya terlalu lemah.

- (a) Mengambil cuti dan menjaga ibu yang sedang sakit.



Situasi: Anda bergaduh dengan adik dan berebut patung beruang.

- (b) Berhenti bergaduh dan memberikan patung beruang kepada adik.



Situasi: Rumah anda kelihatan tidak kemas dengan barang berselerak di merata tempat.

- (c) Membantu ibu mengemas rumah dan menyusun barang yang tidak tersusun.



Situasi: Ibu bapa anda telah keluar membeli barang rumah dan meminta anda menjaga rumah.

- (d) Mengunci pagar dan pintu rumah untuk memastikan keselamatan anggota keluarga yang lain.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]

KBAT

APLIKASI KBAT

Institusi keluarga merupakan aset utama kepada pembentukan sebuah masyarakat madani yang harmonis. Sebuah keluarga yang bahagia dan aman akan melahirkan individu-individu yang menjadi penjana atau penggerak utama kepada kemajuan negara. Namun begitu, pada alaf baharu ini, isu kekeluargaan sering dipandang ringan dan hanya menjadi sesuatu yang remeh bagi kebanyakan ahli masyarakat.

IDEA >>> Gaya hidup | Materialistik

1. Pada pandangan anda, apakah punca-punca yang menyebabkan kerenggangan hubungan kekeluargaan?

KBAT Menganalisis

- (i) Manusia berfikiran materialistik.
- (ii) Cara hidup yang tidak mementingkan pendidikan agama dan kerohanian.
- (iii) Ibu bapa terlalu sibuk dengan aktiviti sosial.

IDEA >>> Masa depan terjejas | Terjebak dalam masalah sosial

2. Terangkan kesan kerenggangan hubungan kekeluargaan terhadap anak.

KBAT Menganalisis

- (i) Masa depan anak-anak akan terjejas.
- (ii) Wujud masalah sosial seperti lepak, penagihan dadah dan lain-lain.
- (iii) Wujud perasaan marah.
- (iv) Anak berasa disisihkan.

IDEA >>> Beriadah | Makan bersama | Bersenam

3. Cadangkan aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

KBAT Mencipta

- (i) Makan bersama-sama dengan ahli keluarga yang besar seperti masa kenduri dan makan malam.
- (ii) Solat bersama-sama.
- (iii) Melakukan aktiviti beriadah ataupun keluar membeli-belah bersama-sama.
- (iv) Berkongsi cerita atau masalah dengan ahli keluarga terdekat.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]



Adab di Tempat Awam Dijaga, Nikmat Hidup Dirasai Bersama

KUASAI Nota Pintas

Nilai

- Hemah Tinggi
- Kesederhanaan
- Harga Diri
- Rasional
- Kebebasan

»» Tempat-tempat Awam

1. Tempat awam yang terdapat di Malaysia:
 - (a) Hospital
 - (b) Stesen kereta api
 - (c) Perpustakaan awam
 - (d) Tempat menunggu bas
 - (e) Pasar awam
 - (f) Kawasan rekreasi
 - (g) Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC)
 - (h) Lapangan terbang
 - (i) Tempat beribadat
2. Tempat awam juga terdiri daripada apa-apa jenis atau tempat tumpuan umum yang dikenakan bayaran untuk masuk atau yang kepadanya orang awam mempunyai akses sama ada dengan bayaran atau sebaliknya.
3. Antara kepentingan tempat awam:
 - (a) Memberikan kemudahan kepada golongan yang kurang mampu.
 - (b) Menjamin kesejahteraan hidup.
 - (c) Membantu ketika kecemasan.
 - (d) Menjalin semangat perpaduan.
 - (e) Memupuk semangat bertoleransi.
 - (f) Meningkatkan ekonomi.

»» Perlakuan Beradab dan Tidak Beradab di Tempat Awam

Perlakuan beradab

- Memakai pakaian sopan dan sesuai.
- Berkelakuan sopan di tempat awam.
- Membuang sampah ke dalam tong sampah.
- Menggunakan kemudahan awam dengan baik.
- Bertimbang rasa dengan pengguna lain.
- Menjaga adab dan kelakuan di tempat awam.
- Menggunakan air di tandas mengikut keperluan.
- Menggunakan harta benda awam dengan baik.
- Memberikan laluan kepada orang ramai.

Perlakuan tidak beradab

- Membuang sampah merata-rata.
- Memakai pakaian yang tidak sopan.
- Merosakkan harta benda awam atau vandalisme.
- Pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan tanpa batasan.
- Membiarkan pili air tidak ditutup selepas menggunakan.
- Menghalang laluan orang ramai.

»» Kepentingan Beradab di Tempat Awam

Kepentingan beradab di tempat awam

-
- Meningkatkan imej negara.
 - Melatih diri berdisiplin dan mematuhi peraturan.
 - Menjimatkan perbelanjaan penyelenggaraan.
 - Kemudahan awam boleh digunakan dalam jangka masa yang lama.
 - Kemudahan selesa dan selamat digunakan.

Cara meningkatkan tanggungjawab untuk menjaga tempat awam

- Mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan menjaga harta benda awam.
- Menguatkuasakan undang-undang.
- Menerapkan pendidikan awal kepada kanak-kanak dalam menghargai tempat awam.

SP 4.1.1 Menyenaraikan tempat-tempat awam

1. Namakan tempat-tempat awam berdasarkan foto yang diberi. **TP 1**



(a) Hospital



(b) Perpustakaan



(c) Stesen kereta api



(d) Tempat menunggu bas



(e) Lapangan terbang



(f) Pasar awam



(g) Tandas awam



(h) Kawasan rekreasi



(i) Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)



SP 4.1.2 Menghuraikan cara beradab di tempat awam

2. Nyatakan **tiga** cara beradab di setiap tempat awam yang berikut. **TP 2** **Nilai Teras Sivik** Hormat-menghormati

(a)



(b)




- (i) Tidak berbuat bising/ membaca buku dengan senyap.
- (ii) Tidak makan atau minum di dalam perpustakaan.
- (iii) Meminta bantuan pengawas pusat sumber dengan sopan jika perlu.

- (i) Tidak membawa haiwan peliharaan semasa mengunjungi kawasan rekreasi.
- (ii) Mematuhi peraturan yang terdapat pada papan tanda.
- (iii) Menggunakan peralatan yang disediakan dengan baik.

(c)



(d)



- (i) Tidak membuang sampah di tempat menunggu bas.
- (ii) Beratur menunggu giliran semasa menaiki bas.
- (iii) Memberikan laluan kepada penumpang yang ingin turun dari bas terlebih dahulu.

- (i) Menggunakan air di tandas mengikut keperluan.
- (ii) Menutup pili air selepas menggunakan.
- (iii) Tidak menconteng dinding tandas awam.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]

Nota
Cara Beradab di Tempat Awam

SP 4.1.2


SP 4.1.3 Merumuskan kepentingan beradab di tempat awam

3. Lengkapkan peta buih di bawah berkaitan dengan kepentingan beradab di tempat awam. **TP 3**



Nota
Kepentingan Beradab
di Tempat Awam

i-THINK Peta Buah



AKTIVITI PAK-21

Gallery Tour

Tajuk: Adab di tempat awam.

Langkah-langkah:

- Guru mengarahkan murid membentuk kumpulan terdiri daripada empat orang.
- Setiap kumpulan perlulah menulis faktor, langkah dan kesan berdasarkan tajuk yang diberikan oleh guru. Antara tajuk yang diberikan ialah:
 - Budaya lepak atau berpelesiran
 - Berkelakuan tidak sopan di tempat awam
 - Vandalisme
 - Budaya hedonisme
- Murid dikehendaki bergerak secara kumpulan.
- Hasil kumpulan ditampal di atas meja supaya kumpulan lain melihat atau membacanya.
- Setiap kumpulan juga hendaklah meletakkan kertas dan pensel di atas meja supaya kumpulan yang datang melawat boleh memberikan komen atau pengukuran terhadap hasil kerja mereka.
- Ahli kumpulan juga diarahkan oleh guru untuk berpecah sementara waktu bagi melawat ke stesen lain.
- Setelah kembali semula ke kumpulan asal, ceritakan dan laporkan pembelajaran atau pengalaman yang diperoleh.

SP 4.1.3



SP 4.1.4 Membanding beza amalan beradab dan tidak beradab di tempat awam

4. Berdasarkan situasi di bawah, kenal pasti perlakuan tersebut amalan beradab atau tidak. Kemudian, hubung kaitkan amalan tersebut dengan keharmonian masyarakat. **TP 4 KBAT Menilai**

Situasi 1

Naveen memberikan tempat duduk di perhentian bas kepada seorang wanita yang mengandung.

Beradab**Tidak beradab**

Hubung kait amalan tersebut terhadap keharmonian masyarakat:

Perlakuan Naveen menunjukkan dia seorang yang menjaga kebijakan golongan yang berkeperluan.

Naveen seorang yang bertimbang rasa dan memikirkan keadaan orang di sekeliling ketika berada di tempat awam.

Situasi 2

Malek membuat bising di hospital semasa melawat kawannya yang sakit.

Beradab**Tidak beradab**

Hubung kait amalan tersebut terhadap keharmonian masyarakat:

Perlakuan Malek menunjukkan dia seorang yang tidak beradab. Perbuatan Malek akan mengganggu pesakit lain di hospital. Malek seharusnya menjaga adab dan kelakuan semasa di hospital yang merupakan tempat awam.

Situasi 3

Wai Peng tidak menutup paip tandas awam selepas diguna. Lantai tandas telah menjadi basah.

Beradab**Tidak beradab**

Hubung kait amalan tersebut terhadap keharmonian masyarakat:

Perlakuan Wai Peng menunjukkan dia seorang yang tidak beradab. Perbuatan Wai Peng adalah satu amalan yang membazir dan tidak bertanggungjawab. Keadaan ini akan menyusahkan pengguna lain serta menjelaskan imej negara kita.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]

SP 4.1.4

SP 4.1.5 Mengekspresikan perasaan beradab di tempat awam berdasarkan kepada situasi

SP 4.1.6 Mempraktikkan amalan beradab di tempat awam

5. Berdasarkan foto yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikutnya. **TP 5** **TP 6** **KBAT** **Menganalisis/Menilai**



Info



Adab Menaiki
Kenderaan
Awam



- (a) Apakah perasaan anda apabila melihat pekerja awam melaksanakan tanggungjawab seperti gambar di atas?

Kagum kerana mereka bekerja keras ntuk memastikan kebersihan di tempat awam.

- (b) Senaraikan perlakuan beradab dan tidak beradab apabila berada di tempat awam.

- (i) Perlakuan beradab

- Tidak membuang sampah di merata-rata tempat.

- Menggunakan tong sampah untuk membuang sampah.

- Menjaga adab dan kelakuan.

- (ii) Perlakuan tidak beradab

- Membuang sampah dan puntung rokok di kawasan larangan.

- Membuat bising dan gangguan di kawasan awam sehingga mengganggu orang lain.

- Menghalang laluan orang ramai.

- (c) Nyatakan **tiga** kesan apabila seseorang membuang sampah di tempat awam.

(i) Dikenakan denda.

(ii) Mencemarkan kawasan tersebut.

(iii) Menjatuhkan imej negara kita kepada pelancong asing.

- (d) Bincangkan **dua** langkah untuk mengurangkan pencemaran di tempat awam.

(i) Menguatkucasakan undang-undang.

(ii) Melaksanakan kempen kesedaran kepada masyarakat.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]



SP 4.1.6 Mempraktikkan amalan beradab di tempat awam

eP+

KBAT

6. Nyatakan cara anda mempraktikkan amalan adab di tempat awam yang berikut. **TP 6 KBAT Mengaplikasi**

Tempat awam	Amalan adab
Perpustakaan awam	<ul style="list-style-type: none"> Membaca dalam keadaan senyap. Mengatur dan menyusun semula buku yang telah dibaca ke tempat asalnya. Menghormati pengunjung lain yang sedang membaca.
Hentian bas	<ul style="list-style-type: none"> Memberikan tempat duduk kepada mereka yang lebih memerlukan seperti orang tua, ibu mengandung dan kanak-kanak. Menghormati orang lain dengan tidak membuat bising.
Hospital	<ul style="list-style-type: none"> Mendahulukan pesakit yang dalam kecemasan. Bercakap dengan nada yang perlahan. Bericara dengan sopan apabila berurusan dengan pihak pengurusan hospital.
Tandas awam	<ul style="list-style-type: none"> Menjaga kebersihan ketika berada di dalam tandas. Membuang tisu ke dalam bakul sampah. Menggunakan kemudahan yang disediakan dengan baik.
Kemudahan OKU	<ul style="list-style-type: none"> Membantu golongan OKU untuk menggunakan tandas. Mendahulukan mereka untuk meletakkan kenderaan di ruangan khas yang disediakan. Menolong mereka melintas jalan.

[Terima mana-mana jawapan yang munasabah]

Praktis Ekstra
Unit 11

APLIKASI KBAT

Hedonisme merupakan isu sosial yang hebat diperkatakan pada masa kini. Gejala ini merupakan suatu perilaku ‘sub-budaya’ yang negatif terhadap masyarakat. Kita sebagai rakyat Malaysia yang berpegang kepada budaya ketimuran perlu menolak gejala ini.

IDEA >>> Mengutamakan hiburan | Keseronokan

1. Apakah yang anda faham dengan gejala hedonisme? **KBAT** Menganalisis

Hedonisme membawa maksud ‘kesenangan’ atau dalam erti kata lain, menjadikan kesenangan dunia untuk beroleh ketenangan rohani, iaitu pola pemikiran yang menjadikan hiburan sebagai jalan untuk bebas daripada permasalahan dan tekanan batas kehidupan yang dianggap rumit.

IDEA >>> Pengaruh rakan dan media | Kurang didikan | Keruntuhan institusi keluarga

2. Jelaskan punca-punca wujudnya gejala hedonisme dalam masyarakat kini. **KBAT** Menganalisis


- (i) Keruntuhan dan kurangnya keprihatinan dalam institusi kekeluargaan dan kejiranan.
- (ii) Kurang didikan agama dan moral.
- (iii) Pengaruh dan tekanan rakan sebaya.

IDEA >>> Masalah sosial | Menjejaskan masa depan | Tiada matlamat hidup

3. Huraikan kesan gejala hedonisme terhadap masyarakat Malaysia, terutamanya golongan remaja.

KBAT Menilai

- (i) Meningkatkan kadar jenayah dalam negara.
- (ii) Golongan remaja semakin jauh daripada nilai-nilai agama.
- (iii) Menyebabkan golongan remaja lupa akan matlamat hidup yang sebenar.



Kesan Hedonisme
kepada Generasi
Muda



Unit 11

PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

Masa: Dua jam

Arahuan: Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

Bahagian A [20 markah]

1. Apakah yang dimaksudkan dengan sumber moral?
 - A Bahan yang menjadi sumber rujukan dalam menghadapi cabaran hidup seseorang
 - B Asas nilai-nilai murni tanpa mengabaikan kepentingan diri dan keluarga
 - C Bahan rujukan yang menjadi panduan dalam pembentukan keperibadian diri seseorang individu
 - D Asas nilai-nilai murni yang diperlukan dalam kehidupan seseorang individu untuk diperaktikkan
2. Antara yang berikut, yang manakah **BUKAN** kepentingan sumber moral?
 - A Mengelakkan diri daripada menyelesaikan masalah
 - B Memberi panduan kepada pengamalnya
 - C Memupuk perpaduan dan keharmonian negara
 - D Melahirkan rakyat yang berkeperibadian tinggi
3. Kita hendaklah melaksanakan tanggungjawab diri dengan menjaga kebersihan diri supaya
 - A kita akan sentiasa dipuji oleh orang lain
 - B tidak mudah dijangkiti penyakit
 - C menjadi orang yang berguna
 - D hidup kita dalam keadaan selamat
4. Punitha telah berkenalan dengan seorang lelaki melalui media sosial. Hubungan mereka menjadi erat. Namun, ibu bapa Punitha tidak merestui hubungan mereka. Oleh itu, lelaki tersebut mengajak Punitha melarikan diri dari rumah.

Apakah yang sepatutnya dilakukan oleh Punitha?

 - A Tidak melayan permintaan lelaki tersebut
 - B Memberitahu ibu bapa ingin melarikan diri dari rumah
 - C Mengajak rakan lain untuk melarikan diri
 - D Memikirkan faedah perbuatan tersebut
5. Antara yang berikut, yang manakah tanggungjawab kepada diri sendiri?
 - I Menjaga kesihatan diri
 - II Masa hadapan diri sendiri
 - III Menjaga keselamatan diri
 - IV Menjaga nama baik keluarga

A	I, II dan III	C	II, III dan IV
B	I, II dan IV	D	I, II, III dan IV
6. Kesan mengabaikan tanggungjawab dalam keluarga adalah seperti berikut **KECUALI**
 - A kebahagiaan keluarga terjejas
 - B masyarakat memandang rendah kepada anggota keluarga
 - C tercetus perselisihan faham antara anggota keluarga
 - D nama baik keluarga meningkat
7. Adab dalam persahabatan mampu melahirkan perasaan kasih sayang, hormat-menghormati dan saling mempercayai.
- Contoh perlakuan beradab dalam persahabatan ialah
 - A menasihati ke arah keburukan
 - B menengking ketika bercakap
 - C memberikan tunjuk ajar dalam pelajaran
 - D membocorkan rahsia rakan
8. Sifat suka berterus terang, amanah dan _____ penting dalam menjalinkan persahabatan.

A berahsia	C malu
B ikhlas	D diam
9. Jiran ialah
 - A orang yang tinggal berhampiran dengan rumah kita
 - B orang yang selalu berada di sekolah
 - C orang yang menerima kelebihan dan kelemahan diri kita
 - D orang yang baik hati dan suka membantu dalam kesusahan



- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** II, III dan IV
- D** I, II, III dan IV

19. Remaja mudah terpengaruh untuk melakukan aktiviti yang tidak sihat dan tidak bermoral. Remaja perlu menerapkan nilai-nilai moral yang positif untuk menangani konflik identiti diri. Ada beberapa cara yang boleh diamalkan untuk mengatasi konflik identiti diri **KECUALI**


- A** selalu mengamalkan dan menghayati ajaran agama
- B** berfikiran negatif dalam menghadapi sebarang masalah
- C** tidak melakukan perkara yang bertentangan dengan adat dan budaya dalam masyarakat
- D** mengeratkan hubungan kekeluargaan

20. Pilih jawapan yang **TIDAK BENAR** berkaitan dengan Hak Asasi Manusia.
- A** Hak Wanita – memberikan perlindungan kepada wanita dan gadis yang terlibat dalam kegiatan maksiat
 - B** Hak Pengguna – Membolehkan pengguna mendapat maklumat yang jelas tentang sesuatu barang
 - C** Hak OKU – Menyediakan pelbagai kemudahan, peluang pendidikan dan kemahiran kepada OKU
 - D** Hak Pekerja – Membolehkan pekerja mendapat gaji dan kemudahan yang setimpal tanpa bekerja

Bahagian B [40 markah]

1. Baca dan fahami rajah tentang sebab dan akibat ketagihan vape dan rokok. Isi tempat kosong dengan jawapan yang telah diberikan.

Pengaruh rakan sebaya	Keruntuhan akhlak	Perasaan ingin mencuba
Tersisih daripada masyarakat	Memudaratkan kesihatan	Meniru budaya negatif
Ketinggalan dalam pelajaran	Ingin menonjolkan kehebatan	Mencari masalah



[8 markah]



Bahagian C
[20 markah]

4. Maklumat berikut adalah tentang aktiviti kejiranan.

GOTONG-ROYONG
“MENGHAPUSKAN AEDES DAN TIKUS”

TARIKH: 21 MEI 2023
MASA: 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

- > Bersihkan taman permainan
- > Mengangkap tikus-tikus
- > Menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes
- > Membersihkan parit dan longkang

Segala peralatan gotong-royong termasuk plastik sampah disediakan.
* Sarapan pagi dan makanan tengah hari turut disediakan

- (a) Berikan **dua** manfaat melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan seperti di atas.

(i) Menjadikan persekitaran lebih bersih dan selamat tanpa binatang perosak

(ii) Dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara jiran tetangga

[2 markah]

- (b) Nyatakan **dua** aktiviti lain yang boleh dilakukan dalam kalangan jiran tetangga.

(i) Hari Keluarga / Hari Kemerdekaan

(ii) Sukaneka / Hari Sukan Negara

[2 markah]

- (c) Ramalkan **dua** kesan jika anda tidak terlibat dengan aktiviti seperti di atas.

(i) Tidak mengenali rakan-rakan jiran kerana tidak bergaul mesra bersama jiran

(ii) Hidup kurang bermakna kerana tiada dapat pertolongan dan bantuan dari jiran-jiran pada hari yang mendatang

[4 markah]

- (d) Apakah perasaan anda apabila hidup berjiran? Mengapakan anda berkata sedemikian?

Gembira / bangga / seronok / terharu kerana jiran adalah orang yang paling dekat jika kita dalam kesusahan

[2 markah]